

17 APR 1996

Salleh-Pindaan

CADANGAN PINDAAN UNDANG-UNDANG NEGERI UNTUK KUKUHKAN KABINET SABAH

KOTA KINABALU, 17 April (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah, Datuk Mohd Salleh Said Keruak hari ini mengulangi bahawa cadangan pindaan terhadap lima undang-undang negeri bertujuan untuk mengukuhkan sistem Kabinet.

Katanya cadangan itu tidak sekali-kali mengurangkan kuasa Ketua Menteri malah ia akan menentukan pentadbiran kerajaan lebih berkesan.

"Kita hanya memindahkan kuasa Ketua Menteri kepada Kabinet dan bukan untuk mengurangkannya," tegas beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet negeri di bangunan Dewan Undangan Negeri di sini.

Beliau diminta mengulas keraguan beberapa pihak terhadap pindaan itu yang menurut mereka menjejaskan hak-hak negeri ini.

Minggu lepas Salleh berkata pindaan itu hanya membabitkan lima undang-undang negeri saja dan tidak Perlembagaan Negeri seperti yang dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini.

Dr Mahathir telah berkata bahawa pindaan itu perlu bagi mengurangkan kuasa Ketua Menteri yang dianggap terlalu kuat berbanding negeri-negeri lain kerana mempunyai kuasa mutlak terhadap beberapa perkara seperti memberi kelulusan permohonan tanah, hutan dan lombong.

Cadangan terhadap pindaan undang-undang negeri itu akan dibentangkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri pada 25 dan 26 April.

Undang-undang yang terbabit ialah Enakmen Hutan 1968, Ordinan Tanah (Bab 68), Ordinan Perlombongan 1960, Enakmen Yayasan Sabah 1966 dan Enakmen Perwakilan Kuasa 1963.

Cadangan pindaan Enakmen Yayasan Sabah bertujuan memberi kuasa kepada Yang Dipertua Negeri melantik pengerusi Lembaga Amanahnya atas perakuan Kabinet.

Ketika ini Ketua Menteri secara automatik menjadi pengerusi lembaga amanah yayasan itu dan beliau berkuasa untuk melantik lapan anggota yang lain.

Salleh juga berkata pindaan itu tidak kena mengena dengan isu penggiliran jawatan Ketua Menteri yang dicadang digilirkan dua tahun sekali antara tiga masyarakat terbesar Sabah -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina.

Keputusan berhubung penggiliran jawatan Ketua Menteri itu yang kini dipegang oleh Salleh mewakili Bumiputera Islam, akan ditentukan oleh Dr Mahathir, katanya. --BERNAMA.

OPP OBA.